

## PERUTUSAN KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2019

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) diadakan pada 21 Oktober setiap tahun oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama pelbagai jabatan/ agensi/ rakan strategik yang berkaitan. Sambutan HASN adalah bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran awam mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Tema sambutan HASN tahun ini dikekalkan seperti tahun sebelum ini iaitu "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama". Aktiviti utama (*signature event*) sempena sambutan HASN 2019 di seluruh negara berfokuskan kepada program/ kempen hindari plastik sekali guna, pengumpulan buangan elektrikal dan elektronik dari isi rumah (*household e-waste*) serta program penanaman pokok.



Kempen Hindari Plastik Sekali Guna dan Penyedut Minuman Plastik telah dilancarkan pada tahun 2018 sejajar dengan saranan dan inisiatif Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). *The Journal of Science* 2015 melaporkan tentang hasil kajian ke atas 192 negara yang bersempadan dengan laut pada tahun 2010 mendapat 275 juta tan plastik dihasilkan. Daripada jumlah ini sebanyak 99.5 tan sisa plastik mencemari pantai, 31.9 juta tan sisa plastik tidak diuruskan dengan baik dan dianggarkan 4.8 hingga 12.7 juta tan memasuki laut. Sekiranya keadaaan ini tidak dikawal, pencemaran laut oleh plastik akan terus meningkat secara drastik dan menjelaskan ekosistem laut.

Bersempena Sambutan HASN 2019 ini, JAS telah mengambil inisiatif untuk turut serta mempromosikan kempen ini dengan mewar-warkan menerusi semua platform media sosial di Malaysia kepada segenap lapisan masyarakat ke arah mencapai kelestarian alam sekitar. Usaha ini mungkin kecil tetapi akan memberi impak yang cukup besar kepada pewaris pemacu Negara pada masa akan datang kerana acuan hari ini penentu kepimpinan pada hari esok.

Aktiviti pengumpulan 'household e-waste' iaitu buangan elektrikal dan elektronik yang telah rosak/ tidak berfungsi dan tidak digunakan lagi serta hendak dilupuskan adalah salah satu aktiviti yang dijalankan semasa Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2019. JAS telah mula melaksanakan aktiviti ini sejak tahun 2013 sehingga sekarang sebagai usaha memastikan pengurusan dan pelupusan "household e-waste" dilaksanakan secara betul dan selamat.

Objektif program pengumpulan *household e-waste* tersebut adalah bagi meningkatkan kesedaran orang awam tentang peranan dan tanggungjawab dalam menguruskan buangan e-waste dari isi rumah yang dimiliki, memastikan e-waste yang terkumpul dari isi rumah dikendalikan oleh kemudahan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar secara selamat dan tidak mencemarkan alam sekitar serta mewujudkan jaringan kerjasama bersama semua lapisan masyarakat dan pihak berkepentingan dalam pengendalian e-waste dari isi rumah.

Bersempena HASN 2019 ini adalah diharapkan agar kita semua dapat bersama-sama menjaga kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar ini. Ianya adalah satu anugerah Tuhan yang wajar kita hargai bersama. Kita perlu bersama-sama bertindak dan bermuafakat bagi memastikan segala isu dan permasalahan alam sekitar dapat diatasi.

Sebagai khalifah di bumi ini, marilah kita bersama-sama menjalankan tanggungjawab kita untuk memelihara alam sekitar. Justeru itu, kita perlu memikirkan langkah-langkah yang terbaik yang boleh dilakukan dalam menangani permasalahan alam sekitar agar kesihatan dan kualiti persekitaran kita akan menjadi lebih baik untuk kesejahteraan generasi kini dan generasi akan datang.

Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Negara 2019.

**"Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama"**

**Norlin binti Jaafar**

**Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia**